

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7848

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) bilangan orang yang disiasat, ditahan, didakwa dan disabitkan atas kes menghasut setiap tahun bagi tempoh 5 tahun yang lepas; dan
- (b) apakah sebab-sebab peningkatan bilangan kes-kes hasutan dan sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk memupuk toleransi dan keharmonian antara kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), sejak tahun 2010 sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 87 kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948. Daripada jumlah tersebut, 23 kes telah dibawa ke Mahkamah untuk pendakwaan.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara bagi menyatakan pendapat mereka tetapi kebebasan yang diberi bukanlah secara mutlak namun terdapat segelintir pihak yang mengambil kesempatan terhadap kebebasan yang diberi. Tambahan pula dengan senario semasa dunia tanpa sempadan juga memudahkan maklumat-maklumat disebarkan dengan lebih pantas menerusi platform media sosial.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu perkauman ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 di samping undang-undang lain yang berkaitan;**

- ii. menjalankan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak agar saling menghormati diantara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 telahpun diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lalu. Ini menunjukkan keseriusan Kerajaan di dalam memastikan negara sentiasa dalam keadaan aman bagi mengelakkan ketegangan antara kaum berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 18.05.2015 (ISNIN)

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kaedah bagaimana pihak Kerajaan memantau keberkesanan proses pelaksanaan penurunan harga barang sepertimana yang dijanjikan oleh Kerajaan dengan terlaksananya sistem cukai GST 6%.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara kaedah yang dilakukan oleh Kementerian bagi memantau keberkesanan proses pelaksanaan penurunan harga barang dengan terlaksananya sistem cukai GST 6% yang bermula 1 April 2015 adalah melalui pelaksanaan pemantauan harga barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Pemantauan ini dilaksanakan oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian yang melibatkan sebanyak 5,000 barangan dan perkhidmatan yang merangkumi 80 kategori berdasarkan 944 data barangan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pemantauan ini juga melibatkan 10 fasa kutipan harga iaitu sebelum, semasa dan selepas GST dilaksanakan.

Pihak Kementerian juga bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan tidak berlakunya kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara tidak terkawal sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST. Bagi memantau keberkesanan pelaksanaan penurunan harga barang, pihak Kementerian juga menjalankan Ops Catut, pemantauan aduan melalui Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP), MyKIRA GST dan penggunaan aplikasi Ez-ADU.

Kementerian turut membangunkan pangkalan data harga barang dan perkhidmatan sebagai sumber rujukan yang penting mengenai perubahan dan kedudukan tren harga serta caj yang berpatutan dalam pasaran. Kutipan harga yang dilakukan setiap fasa akan dikemaskini ke dalam pangkalan data tersebut. Pangkalan data yang diwujudkan akan digunakan sebagai *Benchmark* dan petanda kepada siasatan Akta

Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNKK jika berlaku kenaikan harga yang melampau.

Selain itu, Buku Panduan Harga Pengguna juga diterbitkan bagi membantu rakyat Malaysia khususnya pengguna dalam membuat perbandingan harga barangan keperluan asas sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam buku Panduan Harga Pengguna ini dapat membantu pengguna dalam memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga secara berlebihan dengan menjadikan GST sebagai alasan.

Di samping itu juga, pihak Kementerian juga telah melancarkan Kempen-Kempen Penurunan Harga 2015 yang melibatkan 7 anak syarikat dengan menawarkan diskaun sehingga 87% bagi 487,879 produk.